

# Pilihan raya tidak tergugat — Dr. M

19 NOV 1977

**P**UTRAJAYA 18 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan pilihan raya umum tidak akan tergugat sama sekali biarpun pihak berkuasa menjangka pembangkang akan cuba untuk mencetuskan kekacauan termasuk penggunaan samseng.

Beliau menegaskan, pihak pembangkang dijangka akan menggunakan kumpulan-kumpulan samseng bagi mengganggu penamaan calon, kempen-kempen dan ceramah yang dijalankan oleh BN sehinggalah kepada hari pengundian nanti.

Perdana Menteri bagaimanapun meminta rakyat supaya jangan khawatir untuk keluar mengundi kerana pasukan kese-

lamatan mempunyai cukup keupayaan untuk memastikan keamanan serta akan bertindak menghalang sebarang kemungkinan buruk.

"Kita memang menjangka akan adanya cubaan untuk mengganggu kelancaran perjalanan pilihan raya itu daripada pihak pembangkang, terutama beberapa hari sebelum mengundi setelah menyedari harapan mereka untuk menang adalah tipis," katanya kepada editor media tempatan di pejabatnya di sini petang ini.

Menurut Dr. Mahathir, pembangkang akan melakukan provokasi dengan menuduh pengendalian pilihan raya ini tidak adil dan berlaku penipuan serta melemparkan pelbagai tuduhan beberapa

hari sebelum mengundi bagi mencetuskan kemarahan penyokong-penyokongnya terhadap BN.

"Dengan alasan-alasan itu mereka akan mencuba apa sahaja untuk mengganggu tetapi kita siap sedia," tegasnya.

Beliau menegaskan, antara asas kekhawatiran beliau terhadap kemungkinan cubaan sedemikian ialah wujudnya tokoh tertentu bersama-sama pembangkang termasuk kembalinya semula ke tanah air seorang penyokong kuat tokoh itu.

Dengan mengimbas rusuhan pelajar pada tahun 1974, Dr. Mahathir berkata, mereka yang dimaksudkan itu bertanggungjawab mencetuskan rusuhan dengan menggunakan para pelajar untuk menentang kerajaan.

36  
Kata Perdana Menteri, pengikut setia tokoh berkenaan yang pernah melarikan diri ke luar negara selepas terlibat sama memimpin rusuhan 1974 kini berada di tanah air dan terlibat pula dalam beberapa demonstrasi di ibu negara baru-baru ini.

Ternyata, kata beliau, pendekatan yang sama digunakan oleh mereka iaitu dengan tidak menghormati undang-undang.

Perdana Menteri menambah, semasa tokoh berkenaan berada dalam kerajaan keadaan kembali tenang tetapi selepas berada di luar kerajaan, demonstrasi menentang kerajaan dimulakan lagi dengan memukul polis, membakar, merosakkan harta awam dan sebagainya.